

# Batal ECRL langkah ke belakang

berita harian (isu) 5 April 2018  
(khamis) m/s:21

**Kuantan:** Cadangan pakatan pembangkang untuk membatalkan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) adalah langkah ke belakang, yang menyebabkan negara mengalami kerugian pada masa hadapan.

Antara aspek yang merugikan negara jika projek bernilai RM55 bilion itu dihentikan adalah berkaitan penyediaan perhubungan lebih efisien kepada rakyat, mengehadkan pertumbuhan ekonomi dan menjadikan peluang pekerjaan, terutama bidang rel kereta api berteknologi tinggi.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata Malaysia tidak seharusnya melepaskan peluang menerusi pelaksanaan ECRL yang bakal mengubah landskap kemajuan negara, terutama di Pantai Timur.

Beliau yang kecewa kerana projek berimpak tinggi itu dipolitikkan berkata, ECRL adalah projek berdaya saing jangka panjang kerana meliputi pembinaan jaringan rel kereta api luas menerusi inisiatif One Belt, One Road (OBOR) Kerajaan China yang turut membabitkan Malaysia.

## Akses perhubungan rakyat

“Menerusi ECRL, akses perhubungan kepada rakyat di Pahang, Terengganu dan Kelantan yang sebelum ini bergantung sepenuhnya kepada lebuh raya untuk ke Lembah Klang akan dapat ditingkatkan, sekali gus dapat mengimbangi kemajuan di antara Pantai Timur dan Pantai Barat.

“Perjalanan menjadi lebih mudah dan memberi limpahan ekonomi pada persekitarannya. Dakwaan perjalanan mengambil masa 14 jam adalah mengelirukan sedangkan ia kurang empat jam dari Kelantan ke Lembah Klang,” katanya, semalam.

Dr Daing Nasir berkata, ECRL juga memberi peluang kepada Malaysia menceburi bidang rel kereta api berteknologi tinggi dengan membangunkan tenaga kerja dan kepakarannya yang boleh dimanfaatkan pada masa depan, termasuk menjana pendapatan di luar negara.

“Sayang jika kita tidak dapat menimba ilmu dari China yang pakar dalam bidang rel kereta api teknologi tinggi, mereka menyediakan kereta api yang menggunakan teknologi hijau, sekali gus mengurangkan lepasan karbon dan lebih efisien,” katanya.

**Daing Nasir Ibrahim,**  
Naib Canselor UMP



UMP giat latih pelajar tempatan sebagai

persediaan laksana projek ECRL dan ia memberi peluang pekerjaan, kepakaran mereka juga boleh dihantar ke luar negara untuk laksana projek sama pada masa depan”

**Daing Nasir Ibrahim,**

Naib Canselor UMP

**Daing Nasir Ibrahim,**

Naib Canselor UMP